

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan semua orang dewasa di Malaysia tampil menerima vaksin demi mencapai imuniti kelompok; dan
- b) adakah mereka yang tidak ingin menerima vaksin akan dinafikan kemudahan-kemudahan tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima Kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bintulu atas soalan ini,

- a) Bagi menjawab isu pertama yang dibangkitkan, sehingga 29 September 2021, jumlah populasi dewasa yang mendaftar dalam sistem MySejahtera adalah seramai 21.87 juta orang daripada 23.4 juta orang atau 93.4%.
 - Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, pendaftaran vaksinasi adalah secara sukarela.

NO. SOALAN : 11

- Seterusnya, pada masa ini juga, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memberi kelonggaran tertentu kepada penerima vaksin lengkap.
 - Bagi memastikan semua orang dewasa di Malaysia tampil menerima vaksin, Kerajaan melalui Majlis Pemulihan Negara, dari masa ke semasa akan menentukan pelbagai manfaat yang wajar diterima selepas penerimaan dos lengkap vaksin. Hal ini sejajar dengan pembukaan semula sektor ekonomi dan sektor-sektor lain pada masa ini.
 - Untuk makluman Yang Berhormat, vaksin yang telah ditempah oleh Kerajaan, adalah lebih daripada mencukupi bagi keperluan penduduk negara kita. Oleh yang demikian, Kerajaan menyeru lebih ramai penduduk Malaysia mendaftar untuk mendapatkan vaksin COVID-19 ini.
- b) Seterusnya, penjelasan mengenai isu kedua ialah:
- Kerajaan berpandangan langkah mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia merupakan cadangan inisiatif terakhir yang hanya akan dilaksanakan sekiranya perlu bagi mencapai liputan imunisasi yang optimum.
 - Setakat ini, Kerajaan sedang meneliti beberapa cadangan alternatif lain untuk meningkatkan penerimaan vaksin COVID-19, iaitu:

- 1) Pilihan ‘Opt Out’ untuk tidak mengambil vaksin bagi individu yang tidak mahu mengambil vaksin dan bersetuju untuk tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada penerima vaksin COVID-19 lengkap;

NO. SOALAN : 11

- 2) Mewajibkan individu lengkap pengambilan vaksin COVID-19 sebagai syarat untuk melakukan aktiviti tertentu seperti memasuki fasiliti awam (seperti institusi pendidikan, perpustakaan dan sebagainya) dan aktiviti sosial (seperti bersukan dan beriadah); dan
 - 3) Cadangan mewajibkan pengambilan vaksin dalam sektor tertentu sahaja seperti sektor kesihatan, sektor keselamatan, sektor pendidikan dan sektor perkhidmatan melalui peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514].
- Seterusnya, Kerajaan akan meneruskan usaha advokasi dan memberi penerangan mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19 kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.